

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(XIX)14**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT  
YB. HENG LEE LEE**

14. Memandangkan banyak acara larian dan acara berbasikal dijalankan di negeri ini dan juga berlaku pertindihan tarikh. Bagaimanakah Kerajaan Negeri dapat membantu supaya acara sukan yang digemari semua ini tidak bertindih tarikh?

**YB. SOON LIP CHEE  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

14. MMK Belia dan Sukan sedang mengadakan perbincangan dengan Pihak Berkuasa Tempatan iaitu Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) atau Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) untuk mewujudkan satu platform serta menetapkan peta laluan yang tetap bagi acara larian dan acara berbasikal. Melalui platform ini, pihak pengajur dapat menyemak tarikh dan laluan tetap yang dibenarkan untuk pengajuran acara larian dan acara berbasikal supaya tarikh acara-acara sukan tidak akan bertindih.

Buat masa ini, pengajuran acara larian atau berbasikal di Pulau Pinang perlu mendapat kelulusan daripada Pihak Berkuasa Tempatan iaitu MBPP atau MBSP.

Pengajur juga perlu mendapatkan surat kebenaran daripada pihak PDRM dan Pejabat Pesuruhjaya Sukan Malaysia. Setiap permohonan yang diterima oleh PBT akan disemak dari segi lokasi dan sekiranya ianya bertindih, pengajur akan dimaklumkan supaya menukar lokasi atau meminda tarikh aktiviti sukan tersebut.

Bagi permohonan yang diterima di peringkat Jawatankuasa MMK Belia dan Sukan, ianya akan melalui proses saringan dan tapisan terhadap kertas kerja acara yang dicadangkan sebelum kelulusan akhir untuk pengiktirafan program dikeluarkan oleh YB. Pengerusi Jawatankuasa MMK Belia dan Sukan Negeri Pulau Pinang. Jawatankuasa MMK Belia dan Sukan juga menetapkan agar setiap penganjuran program perlu melalui sekurang-kurangnya dua (2) atau lebih Mesyuarat Penyelarasan Program yang melibatkan kehadiran semua wakil dari agensi kerajaan dan Pihak Berkuasa Tempatan bagi memastikan tahap keselamatan dan kelancaran perjalanan program dipatuhi sepenuhnya dan tiada pertindihan tarikh program.